

# Pensyarah UMS terpilih menilai pengadil Kejohanan Ragbi Asia 2012

UB 23/05/2012 A15

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menerima penghormatan apabila pensyarah Sains Sukan UMS, Mohamad Nizam Nazarudin terus terpilih sebagai penilai prestasi pengadil di Kejohanan Ragbi Divisyen Dua dan Divisyen Tiga HSBC Asia di Kuala Lumpur pada 29 Mei hingga 2 Jun 2012 nanti.

Perlantikan ini adalah berdasarkan prestasi baik beliau ketika melatih pengadil di Kejohanan Ragbi Divisyen Satu HSBC Asia Lima Negara di Manila pada bulan lepas.

Pada kejohanan yang akan berlangsung di Kuala Lumpur itu nanti, beliau akan diberikan tugas untuk melatih dan menilai pengadil pada perlawanan di antara Guam dan Indonesia pada 30 Mei 2012 dan seterusnya perlawanan diantara Thailand dan Iran pada 31 Mei 2012.

Pada 1 Jun 2012 pula, beliau akan melatih dan menilai pengadil pada perlawanan akhir divisyen tiga.

Seterusnya, pada keesokkan

harinya beliau akan melatih dan menilai pengadil pada perlawanan akhir divisyen dua.

Mohamad Nizam yang ditemui baru-baru ini berkata, kali ini pengadil yang bakal dinilai masih belum dimuktamadkan oleh pihak penganjur kerana para pengadil perlu melepasi tahap kecergasan yang ditetapkan terlebih dahulu dalam ujian kecergasan yang akan dibuat pada masa terdekat sebelum layak dipilih menjadi pengadil kejohanan ini.

Katanya, situasi ini sedikit sebanyak akan mengurangkan masa beliau bagi memperolehi maklumat prestasi mereka yang lalu.

Barisan pengadil yang dijangka terpilih untuk mengadili kejohanan tersebut ialah Nik Mohd Ramadhan Nik Abdullah (Malaysia), Raimie Mohamed Mansur (Malaysia), Aaron Littlewood (Singapura), Thawatchai Somwang (Thailand), Nicholas Long (Hong Kong) dan Liu Hao (China).



**NIZAM berada di Stadium Jose Rizal, Manila ketika ARFU5N 2012.**

“Saya merupakan penilai pengadil termuda di Asia ketika ini daripada keseluruhan 30 orang pengadil yang mempunyai kelayakan dan memperoleh jumlah perlawanan yang dinilai paling banyak sepanjang tahun ini.

“Keadaan ini semestinya memberikan tekanan kepada diri saya untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan baik”, katanya.

Katanya, disebabkan ketiadaan kejohanan besar yang berlangsung di Sabah

pada ketika ini, beliau mengambil inisiatif sendiri untuk mempertajamkan kemahiran dalam mengadili perlawanan dengan berlatih menilai perlawanan ragbi yang disiarkan secara langsung di televisyen.